

Headline	Malaysia contohi Kemboja tangani AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Jul 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	18	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	75 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,638



Malaysia contohi Kemboja tangani AIDS

Kuala Lumpur: Malaysia akan menimbangkan untuk mencontohi Kemboja berikutan kejayaan cemerlang negara itu menangani penyebaran jangkitan AIDS yang membawa kepada penyusutan bilangan pesakit HIV dalam tempoh hampir dua dekad lalu secara mendadak.

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh Datuk Dr Christopher Lee berkata, pendekatan negara itu menggabungkan semua pihak di bawah satu bumbung bagi menangani penularan HIV amat berkesan dan menjadi faktor utama penurunan kadar pesakit itu.

“Sebenarnya, di negara ini kita memang ada pendekatan sedemikian, cuma kita boleh kukuhkan program sedia ada selain menggabungkan pelbagai pihak dalam satu rangkaian supaya rawatan dan penjagaan pesakit dapat dilaksanakan lebih mudah.

“Kita berada di landasan betul dalam usaha menyediakan kemudahan terbaik bagi penghidap HIV dan ia boleh dicapai bukan saja melalui pembabitan kerajaan, malah daripada semua pihak berkepentingan,” katanya pada sidang media Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) Mengenai Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.